



**AHLI JAWATANKUASA SESSI 2014/2015  
BIRO AGAMA & KEBAJIKAN  
KELAB KEBAJIKAN DAN SUKAN PTGS**

Biro Agama : Jamil Bin Jemain - Bahagian Hakmilik Strata

Biro Kebajikan : Mohd Shalilnizam Bin Mohd Shah - Bahagian Pendaftaran Hakmilik

**Ahli Jawatankuasa:**

1. Mohd. Hafiz bin Abd. Razak - Bahagian Hakmilik Strata
2. Mohamed Syahid bin M Yunus - Bahagian Teknologi Maklumat
3. Salamiah binti Ahmad - Bahagian Hasil
4. Maznah bt. Abu - Bahagian Khidmat Pengurusan
5. Suhailin binti Ismail - Bahagian Pembangunan Tanah Dan Kemajuan Tanah
6. Aslina binti Ahmad - Bahagian Pendaftaran Hakmilik
7. Mohd Yazli Bin Yusof - Bahagian Pasukan Petugas Khas

**AKTIVITI BIRO AGAMA SEPANJANG TAHUN 2014/2015**

Bil	Aktiviti	Tarikh	Penceramah/Selian	Tempat
1	Ceramah Maulidur Rasul 1435H 'Cinta Rasul'	24 Januari 2014 (Jumaat)	Ustaz Ahmad Fakhrurrazi Bin Mohammed Zabidi (Pensyarah UKM)	Bilik Gemilang 2, PTGS
2	Ceramah Semarak Ramadhan 1435H 'Selamat Datang Ramadhan'	27 Jun 2014 (Jumaat)	Ustaz Nik Bakri Bin Nik Mat (Mudir Madarasah Dakwah & Tarbiah Al Hasaniah)	Bilik Gemilang 2, PTGS
3	Program Tadarus Al Quran Bulan Ramadhan 1435H PTGS	29 Jun – 17 Julai 2014	Ketua Kumpulan Tadarus	PTGS
4.	Tazkirah Ramadhan & Majlis Khatam Al Quran 1435H	18 Julai 2014 (Jumaat)	Ustaz Ahmad Zaki Bin Arshad (Timbalan Pengarah JAIS)	Bilik Gemilang 2, PTGS
5.	Taklimat Simpanan Pelaburan Unit Amanah Islamik	17 Okt 2014 (Jumaat)	Tuan Raimy Bin Mazlan Hardev (Pengurus Public Mutual Islamic Cawangan Shah Alam)	Bilik Gemilang 2, PTGS
6.	Program Sumbangan Untuk Mangsa Banjir Bagi Negeri-negeri Yang Terlibat	5 Januari 2015 (Isnin)	Kutipan sumbangan daripada setiap bahagian PTGS	Lapangan Terbang TUDM Subang & Kelab SUK

## KETERANGAN AKTIVITI :-

### **1. Ceramah Maulidur Rasul 1435H ‘Cinta Rasul’**

Ceramah ini diadakan sempena sambutan Maulidur Rasul 1435H 2014. Seramai 50 orang peserta mengikuti ceramah ini yang diadakan di Bilik Gemilang 2 Tingkat 4 PTGS. Ceramah ini disampaikan oleh Ustaz Ustaz Ahmad Fakhrurrazi Bin Mohammed Zabidi yang merupakan seorang Pensyarah di Jabatan Pengajian Al Quran & Sunnah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Ceramah yang bertajuk ‘Cinta Rasul’ ini bertujuan untuk memupuk & menambah semangat kecintaan kita kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.a.w . Ceramah ini berkisar tentang semangat & pengorbanan Nabi dalam menyampaikan dakwah ke seluruh alam. Betapa Nabi kita sayangkan umatnya dan kita perlu memelihara dan meneruskan perjuangan dan Sunnahnya.

### **2. Ceramah Semarak Ramadhan 1435H ‘Selamat Datang Ramadhan’**

Ceramah ini diadakan sempena menyambut kedatangan Bulan Ramadhan 1435H 2014. Seramai 50 orang peserta mengikuti ceramah ini yang diadakan di Bilik Gemilang 2 Tingkat 4 PTGS. Ceramah ini disampaikan oleh Ustaz Nik Bakri Bin Nik Mat yang merupakan Mudir Madrasah Dakwah & Tarbiah Al Hasaniah Seksyen 15 Shah Alam.

Ceramah ini bertajuk ‘Selamat Datang Ramadhan’ yang mana bertujuan untuk meningkatkan semangat untuk menyambut kedatangan Ramadhan Al Mubarak. Ceramah ini mengupas bagaimana tarbiyah Ramadhan dapat menjadikan seseorang itu insan yang bertakwa. Bulan Ramdahan merupakan Pesta Ibadah dan diharapkan semua dapat meningkatkan amal ibadah sepanjang bulan mulia ini.

### **3. Program Tadarus Al Quran Bulan Ramadhan 1435H PTGS**

Perlaksanaan aktiviti dijalankan pada setiap hari bekerja pada waktu rehat sepanjang Bulan Ramadhan. Majlis tadarus ini telah disertai oleh lebih 165 orang kakitangan dan telah dibahagikan mengikut 25 kumpulan yang mewakili setiap bahagian di PTGS. Setiap kumpulan mempunyai seorang ketua yang bertanggungjawab memastikan kumpulan tersebut dapat menghabiskan bacaan surah – surah yang telah ditentukan.

Majlis Tadarus tersebut merupakan antara aktiviti yang sering menjadi tumpuan ketika hadirnya Bulan Ramadhan setiap tahun dan akan menjadi lebih bermakna sekiranya disertai oleh lebih ramai lagi para pegawai kanan di PTGS.

### **4. Tazkirah Ramadhan & Majlis Khatam Al Quran 1435H**

Majlis tersebut berlangsung dalam suasana cukup meriah dan penuh kesyukuran kerana diadakan di akhir Bulan Ramadhan 1433 dan dalam suasana menyambut hari raya Aidilfitri. Majlis tersebut telah dihadiri lebih daripada 60 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan PTGS serta diserikan lagi dengan bacaan para qari yang telah dijemput khas dari setiap bahagian dibawah selian Yg. Berbahagia Alfadhil Ustaz Ahmad Zaki Bin Arshad (Timbalan Pengarah JAIS) kemudian Tazkirah yang disampaikan oleh Ustaz Ahmad Zaki cukup memberi keinsafan dan kesan yang mendalam kepada para hadirin.

Majlis tersebut telah diakhiri dengan pemberian cenderahati kepada pembaca Khatam Al Quran, pegawai dan kakitangan PTGS yang menyertai Majlis Tadarus sepanjang Bulan Ramadhan pada tahun 2014.

### **5. Taklimat Simpanan Pelaburan Unit Amanah Islamik**

Taklimat berkenaan Taklimat Simpanan Pelaburan Unit Amanah Islamik ini dihadiri seramai 30 orang peserta yang diadakan di Bilik Gemilang 2 Tingkat 4 PTGS. Taklimat ini disampaikan oleh Tuan Raimy Bin Mazlan Hardev yang merupakan Pengurus Public Mutual Islamic Cawangan Seksyen 15 Shah Alam.

Taklimat ini berkenaan bagaimana individu boleh membuat pelaburan Unit Amanah Islamik untuk faedah persaraan. Berbagai teknik & panduan berguna dikongsi bersama dalam Program ini.

Program ini meningkat kesedaran tentang penting untuk membuat simpanan untuk masa hadapan.

## **6. Program Sumbangan Untuk Mangsa Banjir Bagi Negeri-negeri Yang Terlibat**

Program ini diadakan untuk membantu meringankan beban saudara – saudara kita yang terlibat dengan bencana banjir di beberapa buah negeri seperti Kelantan, Pahang, Perlis & Perak. Kutipan sumbangan daripada setiap bahagian PTGS telah dibuat. Barang yang disumbangkan adalah seperti barang keperluan makanan, barang keperluan mandi, pakaian & sumbangan kewangan.

Sumbangan Kewangan telah diserahkan kepada wakil Surau Al Khair Seksyen 16 Shah Alam, wakil surau telah turun ke Kelantan untuk memberi sumbangan barang kepada mangsa banjir disana. Sumbangan barang fasa pertama telah dihantar kepada Misi Bantuan Banjir di bawah Majlis Keselamatan Negara (MKN) bertempat di Lapangan Terbang TUDM Subang. Sumbangan Barang kedua telah diserahkan kepada Kelab Suk Selangor yang akan turun menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir yang terlibat.

## **PERANCANGAN AKTIVITI BIRO AGAMA BAGI TAHUN 2015**

1. Ceramah/Tazkirah Agama sempena peristiwa.
2. Majlis Bacaan Yasin,Tahlil & Doa Selamat untuk setiap bahagian di PTGS
3. Majlis Tadarus Al-Quran Di Sepanjang Bulan Ramadhan bagi sessi 1436H/2015
4. Penyertaan di dalam pelbagai program/kursus/seminar anjuran JAIS dan Masjid Negeri (terbuka semua kakitangan)

## PENUTUP

Pada kesempatan ini, saya dan semua ahli jawatankuasa Biro Agama ingin merakamkan setinggi – tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas sumbangan, kerjasama, pandangan, idea, sokongan dan juga dorongan dari semua ahli kelab dan juga Pengurus Kelab serta rakan-rakan ahli jawatankuasa Kelab Sukan dan Kebajikan PTGS sepanjang menjayakan sesuatu aktiviti dan program untuk warga Kelab PTGS. Tidak lupa juga kepada pihak Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) PTGS yang sentiasa turut sama membantu setiap kali program Biro Agama diadakan. Akhir kata, doa dan pengharapan mudah-mudahan perancangan kita semua diberkati dan di restui oleh Allah SWT dan semoga segala usaha kita akan mendapat balasan yang baik daripadaNya. InsyaAllah.

Sekian, Wassalamualaikum w.b.t.

**“ BERKHIDMAT UNTUK KELAB KERANA ALLAH ”**

Jamil Bin Jemain  
Biro Agama & Kebajikan  
Kelab Kebajikan Dan Sukan PTGS

Mohd Shalilnizam Bin Mohd Shah  
Biro Agama & Kebajikan  
Kelab Kebajikan Dan Sukan PTGS

Disahkan

Nazrul Shukri Bin Ali  
Pengerusi  
Kelab Kebajikan dan Sukan PTGS

...Buku Laporan Jabatan 2014....